

8 April 2009 (Rabu)

Pejabat SUK ambil kereta rasmi Mohammad Fairus



AZIZAN Hassan (kiri) memeriksa kereta rasmi Timbalan Ketua Menteri 1 Pulau Pinang sebelum mengambilnya di hadapan rumah Mohammad Fairus Khairuddin di Taman Guar Perahu, Bukit Mertajam, semalam.

BUKIT MERTA JAM 8 April - Kenderaan rasmi Timbalan Ketua Menteri 1 Pulau Pinang, Mohammad Fairus Khairuddin yang diletakkan di halaman rumahnya di Taman Guar Perahu, Penanti di sini diambil balik oleh kakitangan Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri (SUK) petang ini. Kereta Mercedes Benz S320 berwarna hitam yang menggunakan nombor plat P1 itu diambil pada pukul 3.10 petang. Pegawai Protokol di Pejabat SUK, Azizan Hassan berkata, tindakan tersebut bukan atas arahan Ketua Menteri, Lim Guan Eng sebaliknya menjadi tanggungjawab SUK untuk mengambil semula kereta tersebut apabila tidak digunakan lagi. "Atas faktor keselamatan kereta tersebut, kita mengambilnya hari ini dan dibawa ke tempat simpanan kereta kerajaan negeri di Batu Gantung," katanya ketika ditemui di sini hari ini.

Azizan menjelaskan, beliau telah menghubungi Fairus menerusi telefon bimbit untuk memaklumkan mengenai pengambilan semula kereta tersebut. Menurutnya, kereta tersebut berada dalam keadaan baik walaupun tersadai di halaman rumah Fairus sejak sebulan lalu. "Semua barang peribadi milik Fairus telah pun dikeluarkan. Yang ditinggalkan ialah kad mengisi petrol. "Setiap kenderaan milik kerajaan negeri mempunyai dua set kunci dan salah satu daripadanya masih di tangan Fairus," katanya.

9 April 2009 (Khamis)

Bangunan usang cemar pemandangan



SALAH sebuah bangunan usang di Jalan Sultan Idris Shah, Ipoh, Perak.

IPOH 9 April - Bangunan lama bercirikan reka bentuk zaman penjajah yang banyak terdapat di sini menjadikan Ipoh kelihatan unik dan klasik. Sayangnya keunikan itu sedikit tercemar apabila sebuah bangunan lama yang terletak bersebelahan Wisma Maju UMNO dan simpang lampu isyarat Jalan Sultan Idris Shah ditinggalkan usang begitu sahaja. Keadaan bangunan yang dipercayai ditinggalkan akibat satu kebakaran itu menimbulkan tanda tanya sesiapa sahaja yang melalui jalan tersebut.

Seorang kakitangan swasta, **Mohd. Zabidi Yusof**, 32, berkata, Majlis Bandaraya Ipoh (MBI) sewajarnya merobohkan sahaja bangunan seperti itu. "Bangunan ini sudah bertahun lamanya ditinggalkan sehingga menjadi usang kerana tidak diselenggarakan. Keadaan ini mencacatkan pemandangan bandar raya Ipoh yang sering menjadi tumpuan pelancong luar. "Lagipun serpihan zink atau kayu dari bangunan ini jika diterbangkan angin, boleh membahayakan orang yang lalu lalang," katanya.

Sementara itu, **M. Kathiraven**, 35, juga meminta MBI bertindak dengan merobohkan segera bangunan-bangunan yang tidak digunakan kerana bimbang ia akan menjadi sarang penagih-penagih dadah dan kejadian tidak bermoral lain. "Kita tak pasti apa yang boleh berlaku selepas ini, kerana orang ramai khususnya pejalan kaki sering menggunakan jalan itu dan sudah pasti mereka bimbang dengan keselamatan masing-masing. "Saya berharap MBI melihat perkara ini dan mengambil langkah sewajarnya untuk menjamin keselamatan pengguna jalan serta mengembalikan keceriaan di bandar raya Ipoh," katanya.

10 April 2009 (Jumaat)

Pantau kerja kontraktor

Oleh NORIZAN ABDUL MUHID utusanmelaka@utusan.com.my

MELAKA 10 April - Agensi kerajaan yang terlibat secara langsung dalam melaksanakan projek pembangunan di negeri ini perlu proaktif memantau kerja-kerja yang dijalankan kontraktor yang dilantik bagi memastikan mereka menyiapkan kerja mengikut jadual. Ketua Menteri, Datuk Seri Mohd. Ali Rustam berkata, agensi kerajaan khususnya pegawai daerah di kawasan masing-masing perlu memantau kerja-kerja kontraktor lebih kerap bagi mengelakkan projek tersebut bermasalah. Menurutnya, kegagalan agensi kerajaan memantau perjalanan projek

menyebabkan maklumat terkini mengenai perkembangan projek tidak dapat disalurkan dengan tepat kepada kerajaan negeri. "Dalam siri lawatan mengejut yang dijalankan sebelum ini, saya dapati ada permohonan projek baru yang tidak sesuai dijalankan kerana sebab tertentu dan perlu mendapat penjelasan lanjut daripada pihak yang berkaitan namun maklumat mengenainya tidak pula diterangkan dengan jelas," katanya.

Beliau berkata demikian kepada pemberita selepas menyampaikan bantuan makanan ikan dan mesin bantuan bekalan elektrik kepada seorang penternak ikan air tawar di Bukit Katil, Ibrahim Rahmat di sini semalam. Kata Mohd. Ali, hasil lawatan mengejut yang dijalankan di seluruh negeri kelmarin mendapati, sebahagian besar projek pembangunan terbabit menunjukkan kegagalan kontraktor menyerahkan projek kepada agensi kerajaan walaupun sudah lama projek berkenaan siap.

"Keadaan ini sudah tentu memberi kesulitan kepada masyarakat kerana mereka masih belum boleh menggunakan kemudahan yang dibina itu ekoran timbulnya masalah daripada pihak kontraktor," katanya. Ujarnya, melalui lawatan ke tapak projek pembangunan terbabit, pihaknya perlu mengambil langkah susulan yang sewajarnya memandangkan maklumat awal yang diterima daripada keterangan agensi kerajaan kepada pihaknya adalah tidak tepat. "Lawatan saya ke semua daerah baru-baru ini memberi gambaran jelas terhadap langkah-langkah susulan yang perlu dibuat oleh kerajaan negeri kerana ada sesetengah laporan yang sampai kepada saya tidak berapa tepat," katanya.

Sementara itu, kata Mohd. Ali, pihaknya bersetuju dengan cadangan pembangunan projek baru di Jonker Walk iaitu di belakang Jalan Tun Tan Cheng Lock untuk dimajukan sebagai pusat komersial penjaja sebagai tarikan baru pelancong. "Pihak pemaju setuju untuk bina gerai-gerai bercirikan Melaka bagi menempatkan penjaja. Usaha ini sudah tentu membuka peluang perniagaan baru kepada orang ramai selain menjadi tarikan baru pelancong," ujarnya. Pada masa yang sama, beliau turut meminta Majlis Perbandaran Alor Gajah (MPAG) segera memilih peniaga yang layak untuk memulakan operasinya di Restoran Ikan Bakar di Tebuk Tupai. "Projek sudah lama siap namun belum ada operator yang sedia untuk menggerakkan perniagaan di situ, akhirnya banyak kemudahan termasuk pintu yang rosak. Saya sudah arah MPAG segera pilih operator yang layak berniaga di situ," katanya.

12 April 2009 (Ahad)

FAMA digesa lebih aktif bantu petani



MOHD. Mokhtar Ismail (tiga dari kanan) melihat jagung rebus yang dijual di ladang di Taman Kekal Pengeluaran Pertanian Makanan (TKPM) Ara Kuda, Tasek Gelugor, Pulau Pinang, kelmarin.

TASEK GELUGOR 12 April - Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) diminta berperanan lebih aktif dalam menyelesaikan masalah yang dihadapi petani terutamanya di tengah-tengah kelembapan ekonomi sekarang. Ketua Setiausaha Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani, Datuk Mohd. Mokhtar Ismail berkata, masih banyak rungutan daripada golongan petani mengenai kesukaran mereka untuk memasarkan produk tanaman. Katanya, permasalahan di peringkat pengeluaran dan pemasaran perlu diselesaikan secara berkesan bagi memastikan petani tidak tersepit terutamanya ketika harga kos input turut meningkat.

"Sebab itu kita mahu FAMA bertindak secara lebih berkesan untuk kenal pasti apakah masalah yang dihadapi oleh petani terutamanya dalam aspek harga dalam pasaran. "Masalah (harga) ini memang kita selalu dengar dan kita harap FAMA ambil kira segala pandangan dan permasalahan petani terutamanya mereka yang mengusahakan tanah secara kecil-kecilan," katanya.

Beliau berkata demikian pada majlis taklimat dan dialog bersama peserta Taman Kekal Pengeluaran Makanan (TKPM) Ara Kuda, di sini semalam. Turut hadir Ketua Pengarah Pertanian, Roseley Abdul Khalid dan Pengarah Pertanian negeri, Abdul Nasir Hassan.

Pada sesi dialog itu, beberapa peserta mengemukakan keluhan mereka mengenai masalah pemasaran hasil tani yang masih membelenggu golongan petani di situ. Mohd. Mokhtar bagaimanapun menjelaskan, masalah pemasaran sering berlaku apabila penawaran terhadap sesuatu produk hasil tani itu melebihi permintaan dalam pasaran. "Sebagai contoh, apabila harga kacang panjang naik, ramai petani tanam tanaman yang sama sehingga ia mengakibatkan lambakan, sekali gus menjejaskan harga. "Sebab itu, amat penting agar pengurusan di peringkat pengeluaran disokong oleh aktiviti pemasaran yang lebih terancang dan berkesan," jelasnya.

12 April 2009 (Ahad)

Jangan asyik bermesyuarat dengan pegawai sahaja - Noh Omar

TASEK GELUGOR 12 April - Segala dasar mengenai pertanian negara yang diperkenalkan sebelum ini akan diteruskan bagi membangunkan sektor itu sebagai antara pemacu pembangunan ekonomi. Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani, Datuk Noh Omar berkata, beliau tidak berhasrat memperkenalkan dasar baru kerana polisi sedia ada perlu diteruskan bagi memastikan matlamatnya dicapai. Justeru, tumpuan beliau ialah untuk memastikan segala polisi serta bantuan dan insentif yang diberikan kerajaan, sampai ke peringkat bawahan dan memberi manfaat secara terus kepada golongan sasaran.

"Segala perancangan serta bantuan yang diberikan kerajaan perlu dilaksanakan dan betul-betul sampai kepada golongan petani, penternak dan nelayan. "Ini adalah selaras dengan hasrat kerajaan untuk sentiasa mendahulukan rakyat dan mengutamakan prestasi. Sebab itu, kita perlu pastikan semua 11 agensi di bawah kementerian bekerja keras bagi mencapai matlamat ini," katanya.

Beliau berkata demikian ketika berucap merasmikan Majlis Bulan Tanaman kementeriannya di sini hari ini. Noh berkata, bagi memastikan segala pelaksanaan dasar dilakukan dengan berkesan, perbincangan bukan sahaja dibuat di peringkat pegawai, tetapi akan disertai wakil daripada golongan sasaran. Katanya, beliau mahu agar perbincangan jawatankuasa di peringkat daerah yang disertai pegawai kementerian dan wakil petani, penternak dan nelayan serta pertubuhan badan bukan kerajaan (NGO), dibuat setiap bulan. "Hanya cara begini, kita dapat mengenal pasti apa masalah serta isu yang timbul di bawah. "Jangan kita bermesyuarat di kalangan pegawai sahaja kerana suara orang di bawah kita mesti dengar," tegasnya. Tambahnya, adalah amat penting untuk semua agensi di kementerian itu bekerjasama sambil mengingatkan bahawa beliau sendiri akan memantau prestasi setiap agensi berkenaan.

12 April 2009 (Ahad)

Rencana - E-filing LHDN: Baki dikembali dalam sebulan

Oleh NORILA DAUD

TIADA siapa yang terlepas daripada tanggungjawab membayar cukai pendapatan kepada Lembaga Hasil Dalam Negeri (LHDN) termasuk pemimpin negara dan pembuat dasar kerajaan. Seseorang berpendapat, para pemimpin negara seperti menteri dan wakil rakyat dikecualikan daripada membayar cukai pendapatan berikutan khidmat mereka untuk rakyat dan negara. Bagaimanapun andaian itu tidak benar seperti yang disuarakan oleh Ketua Pegawai Eksekutif LHDN, Datuk Hasmah Abdullah. Ini bermakna, semua penduduk yang memperoleh pendapatan yang menepati jumlah dikenakan cukai, perlu membayar cukai pendapatan.

Menurut beliau, hasil cukai pendapatan yang dikutip oleh LHDN seterusnya akan diberikan kepada Kementerian Kewangan yang kemudiannya menyalurkan peruntukan kepada kementerian-kementerian lain mengikut permohonan yang diluluskan oleh kerajaan. "Pihak kami hanya diamanahkan untuk mengutip cukai pendapatan daripada rakyat dan tidak terlibat dengan rancangan kerajaan untuk projek-projek pembangunan negara," jelasnya.

Mengenai sistem pembayaran cukai menggunakan sistem e-filing yang semakin popular di kalangan generasi muda dan golongan pesara, Hasmah memberitahu, banyak kemudahan yang diperoleh daripada sistem tersebut. Jumlah pendapatan dikira dengan tepat oleh komputer selain salinannya boleh dicetak untuk disimpan oleh pembayar cukai. Berbanding dengan

penggunaan borang yang memerlukan masa yang lama berikutan beribu-ribu naskah dihantar kepada LHDN untuk disemak sebelum ditentukan jumlah cukai sebenarnya.

Hasmah juga memberitahu, sekiranya pelanggan terlebih bayar daripada jumlah sepatutnya, LHDN akan mengembalikan wangnya dalam tempoh sebulan mengikut peraturan dalam Piagam Pelanggan. Bagaimanapun katanya, wang hanya akan dikembalikan dengan syarat borang diisi dengan lengkap dan semua tuntutan potongan cukai tidak menimbulkan keraguan. Sekiranya keraguan berlaku berikutan tuntutan potongan cukai yang tidak munasabah atau terlebih tinggi daripada biasa, LHDN akan meminta pelanggan mengemukakan resit dan dokumen sokongan bagi mengesahkan tuntutan.

Berhubung sistem e-filing yang menghadapi masalah 'kesesakan' pada 2006 iaitu ketika ia baru dilancarkan, Hasmah menjelaskan, banyak kelemahan yang dikenal pasti sejak dua tahun lalu telah berjaya diatasi oleh pihaknya. Penambahbaikan sistem e-filing termasuklah meningkatkan jumlah *server* komputer dan talian Internet pada tiga hari terakhir tarikh tutup penyerahan penyata cukai pendapatan pada 30 April setiap tahun.

Perkakasan *server* juga ditambah bagi menampung jumlah transaksi dalam tempoh puncak, tegasnya. Mengikut pengalaman pada 2006, sistem e-filing mengalami kesesakan di mana sebanyak 40,000 hingga 50,000 pelanggan menggunakan sistem tersebut pada hari yang sama. "Pelanggan yang menggunakan sistem e-filing di rumah tidak bermasalah tetapi mereka yang datang ke kaunter-kaunter pembayaran LHDN tanpa resit dan dokumen yang sistematik telah menimbulkan masalah. "Mereka yang terlibat akan menggunakan komputer terlalu lama kerana perlu menyemak dokumen sebelum mengisi borang dalam e-filing," jelasnya.

Untuk mengatasi masalah itu, pelanggan diminta mengisi borang mengikut resit sebelum menyempurnakan borang dalam sistem e-filing.

13 April 2009 (Isnin)

KPI: TPM tidak terkecuali

Oleh ZULKIFLI JALIL dan ZABRY MOHAMAD pengarang@utusan.com.my



MUHYIDDIN Yassin menunjukkan pejabat barunya di Bangunan Perdana Putra, Putrajaya, semalam.

PUTRAJAYA 13 April - Tan Sri Muhyiddin Yassin berkata, beliau sendiri tidak terkecuali daripada penilaian Petunjuk Prestasi Utama (KPI) yang baru diperkenalkan oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak dalam pentadbiran kerajaan. Tegas Timbalan Perdana Menteri, justeru beliau akan memberikan perhatian serius terhadap setiap tugas serta tanggungjawab yang diamanahkan kepadanya. "Setiap daripada kita akan diukur oleh KPI dan jawatan Timbalan Perdana Menteri tidak terkecuali. "Oleh itu, saya perlu beri perhatian utama yang serius kepada setiap tugas yang diberikan," katanya ketika berucap pada majlis makan tengah hari bersama pegawai-pegawai kanan Pejabat Timbalan Perdana Menteri di sini hari ini.

Khamis lalu, Perdana Menteri mengumumkan pendekatan baru KPI yang akan menilai prestasi para menteri, timbalan menteri dan pegawai kanan perkhidmatan awam setiap enam bulan sekali. KPI menekankan aspek kesan, hasil dan penyampaian perkhidmatan awam yang berbaloi dan akan dipantau oleh sebuah unit baru yang dipimpin oleh seorang menteri di Jabatan Perdana Menteri. Terdahulu, Muhyiddin memulakan tugas di pejabatnya di Bangunan Perdana Putra pagi ini sejak dilantik sebagai Timbalan Perdana Menteri, Khamis lalu. Ketibaan beliau disambut oleh Ketua Setiausaha Negara, Tan Sri Mohd. Sidek Hassan yang kemudiannya memberikan taklimat mengenai perjalanan serta tugas-tugas di situ.

Menurut Muhyiddin, fokus untuk menjana ekonomi agar berkembang pesat merupakan antara keutamaan yang akan diberikan oleh kerajaan selain mengurus pentadbiran negara dengan lebih cekap. Ini kerana, jelas beliau, cabaran dalam tempoh mendatang adalah amat tinggi berikutan ekonomi global yang lembap. Bagi memastikan matlamat tersebut tercapai, tambah Timbalan Perdana Menteri, beliau akan mencari jalan supaya prestasi para pegawai kerajaan dapat bergerak lebih berkesan. "Kita juga perlu beri perhatian dalam meningkatkan hubungan, semangat kerjasama dan perpaduan semua kumpulan kaum bagi menjayakan konsep Satu Malaysia, seterusnya mencapai sasaran Wawasan 2020," katanya.

Sehubungan itu, beliau mengajak pegawai-pegawai kanan perkhidmatan awam supaya bersama membantu Perdana Menteri menjalankan tugas untuk memenuhi keperluan rakyat.

13 April 2009 (Isnin)

Kementerian Pertanian minat ambil alih TEKUN

PUTRAJAYA 13 April - Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani, Datuk Noh Omar akan mencadangkan kepada Kabinet supaya Tabung Ekonomi Kumpulan Usahawan Niaga (TEKUN) diletakkan di bawah kementerian itu. Katanya, cadangan itu penting untuk dibincangkan di peringkat Kabinet mengambil kira kesesuaian peranan agensi tersebut dengan kementerian yang berkenaan. Beliau berkata, TEKUN yang sebelum ini diletakkan di bawah Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi (MeCD) mempunyai fungsi yang agak sama dengan kementeriannya khusus dalam melahirkan usahawan tani.

"Saya akan bawa perkara ini untuk dibincangkan dalam Kabinet kerana 80 peratus pinjaman TEKUN diberi kepada usahawan yang terlibat dalam pertanian seperti penternakan cacing dan aktiviti pertanian lain. "Jika TEKUN dapat diletakkan di bawah Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani, maka ia dapat mengelakkan pertindihan dengan kementerian lain dan kita dapat menyelaraskan usaha untuk melahirkan lebih ramai usahawan tani," katanya.

Beliau berkata demikian kepada pemberita selepas menghadiri majlis perhimpunan terakhirnya dengan MeCD di sini hari ini. Khamis lalu, Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak ketika mengumumkan barisan Kabinet baru tidak menyebut MeCD dalam senarai kementerian di bawah pentadbirannya. Agensi di bawah MeCD iaitu TEKUN dan Majlis Amanah Rakyat (Mara) kini diserapkan di bawah Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah.

Perbadanan Pembangunan Industri Kecil dan Sederhana (SMIDEC) pula diletakkan di bawah Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri. Noh berkata, selain TEKUN, kementeriannya turut berminat terhadap satu lagi agensi yang sebelum ini diletakkan di bawah MeCD tetapi beliau enggan mengulas lanjut. Dalam pada itu, Noh memberi jaminan bahawa kepentingan kaum bumiputera tidak akan terjejas dengan pemansuhan MeCD manakala semua agensi di bawahnya akan dikekalkan. "Nasib kaum bumiputera akan terus terbela tanpa mengira agensi berkenaan terletak di kementerian mana. "Penyusunan semula pentadbiran sebaliknya akan mengurangkan fungsi bertindih antara kementerian dan memastikan kepentingan bumiputera lebih terpelihara," katanya.

Sementara itu Noh berkata, beliau akan memberi perhatian kepada unit-unit di bawah kementeriannya yang sebelum ini kurang dititikberatkan. "Unit Masyarakat Perdagangan dan Usahawan Bumiputera di bawah kementerian akan diberi perhatian, mungkin akan dinaik taraf sebagai satu bahagian," katanya.

13 April 2009 (Isnin)

Pasar Wirawati lengang

Oleh NAZMIL.NASIRUDDIN kota@utusan.com.my



HANYA sebahagian gerai di kawasan pasar basah di Jalan Wirawati, Kampung Pandan yang dibuka oleh penyewanya menyebabkan orang ramai tidak berminat membeli-belah di pasar itu.

KUALA LUMPUR 13 April – Struktur bangunannya tersergam indah, dekorasi yang menghias bangunan itu juga menarik. Kebersihannya juga memuaskan. Dari segi kemudahan yang disediakan, semuanya serba lengkap tetapi di sebalik semua itu, ia masih gagal menarik perhatian orang ramai untuk membeli-belah atau berkunjung ke situ. Itulah masalah yang melanda Pasar Jalan Wirawati di Kampung Pandan di sini sejak beberapa tahun lalu.

Pasar tersebut terdiri daripada dua buah bangunan, satu kawasan dijadikan premis pelbagai jenis perniagaan termasuk gerai-gerai makan dan satu lagi bangunan menempatkan pasar basah. Meskipun pelbagai jenis perniagaan ada di situ termasuk perniagaan komputer, salon kecantikan dan kedai jahit tetapi kedua-dua bahagian premis perniagaan dan pasar basah kelihatan agak lengang.

Mungkin disebabkan kekurangan pengunjung, premis perniagaan dan ruang pasar basah yang disediakan tidak disewa sepenuhnya oleh para peniaga. Tinjauan Utusan Malaysia mendapati, walaupun jam di tangan sudah menunjukkan pukul 12 tengah hari, namun bilangan gerai yang dibuka masih kurang dan keadaan pasar itu tetap lengang. Hanya beberapa gerai makanan dan beberapa premis perniagaan sahaja yang beroperasi dan menurut peniaga di situ, begitulah keadaannya setiap hari.

Tinjauan di ruangan pasar basah pula mendapati, para peniaga sudah mula bersiap-siap untuk mengemas barang perniagaan masing-masing walaupun hari masih awal. Menurut para peniaga, tidak ada gunanya menunggu sehingga ke petang kerana hasil jualan tidak seberapa - hanya memenatkan badan sahaja. Kata mereka, adalah lebih baik mereka menutup perniagaan dan melakukan perkara-perkara lain daripada duduk 'termenung' dan bersembang kosong sementara menanti pengunjung yang entah ada entahkan tidak. Ternyata, nasib pasar itu tidak seperti beberapa pasar lain masih lagi rancak beroperasi sampai ke lewat petang melayan kunjungan para pembeli.

Menurut seorang pengusaha gerai makanan di kawasan medan selera, Mohd. Rizal Mohd. Suhaimi, 31, kunjungan orang ramai ke situ memang kurang. "Malah, hanya deretan gerai makanan yang berada di barisan hadapan sahaja mendapat perhatian manakala yang di belakang sukar untuk menarik perhatian pengunjung. "Namun begitu, hanya beberapa kedai di bahagian hadapan sahaja yang dibuka kerana jumlah pengunjung tidak ramai," katanya yang berniaga di situ sejak tahun 2003. Tambahnya, disebabkan masalah itu, apa yang boleh dilihat bahagian belakang medan selera itu hanyalah deretan gerai yang berkunci rapi.

Bagi seorang peniaga pakaian dan jahitan yang mahu dikenali sebagai Wan, 31, aktiviti perniagaan di situ memang kurang memberangsangkan walaupun pada asalnya pelbagai jenis perniagaan ada di situ. "Beginilah keadaan setiap hari, lengang sahaja. Pelanggan saya hanyalah dari kalangan pelanggan tetap dan kawan-kawan sahaja," katanya yang sudah dua tahun membuka kedainya di situ.

Sementara itu, Farish Doshi, 27, juga menerima nasib yang sama kerana kedainya juga jarang dikunjungi orang ramai. "Agak sukar untuk mendapat kunjungan orang ramai di sini dan untuk

memastikan perniagaan tetap berjalan, saya banyak menjalankan perniagaan secara online sahaja. "Melalui promosi di laman web, saya memperoleh lebih banyak pelanggan untuk perniagaan saya ini," ujarnya yang menjalankan perniagaan peralatan komputer dan alat komunikasi. Katanya, antara sebab kurangnya kunjungan orang awam adalah kerana aktiviti perniagaan yang tidak begitu rancak di kawasan itu.

"Penutupan banyak gerai antara sebab kenapa kawasan ini kelihatan lengang dan semakin hari semakin sepi. "Keadaan itu secara tidak langsung telah menyebabkan para pengunjung yang datang ke sini mendapati kawasan ini tidak begitu menarik untuk dikunjungi. "Kesuraman ini telah menjadikan orang ramai tidak akan ke sini lagi untuk membeli-belah," ujarnya.

Farish juga memberitahu, antara sebab lain ialah komitmen peniaga yang tidak begitu bersungguh-sungguh dengan aktiviti perniagaan yang mereka jalankan. Katanya, memang di peringkat awal agak sukar untuk mencari pelanggan tetapi jika semua peniaga komited dan bertahan, dia percaya Pasar Jalan Wirawati itu akan menjadi tumpuan ramai akhirnya. Sehubungan itu, dia berharap pengurusan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) dapat melakukan sesuatu bagi mengatasi masalah kesuraman dan kekurangan pelanggan di pasar itu.

13 April 2009 (Isnin)

RM269 juta bekal air bersih

MACHANG 13 April - Kerajaan negeri melalui Air Kelantan Sdn. Bhd. (AKSB) akan membelanjakan RM269 juta untuk penambahbaikan loji air dan sistem saliran bagi memastikan penduduk negeri ini mendapat bekalan air bersih secukupnya sehingga 2030. Menteri Besar, Datuk Nik Abdul Aziz Nik Mat berkata, semua projek yang dirancang itu akan disiapkan segera mengikut jadual sepanjang tempoh Rancangan Malaysia Ke-9 (RMK-9).

"Pelbagai usaha diambil untuk memastikan masalah air yang dihadapi oleh rakyat dapat diatasi sepenuhnya kerana ia adalah keperluan asas yang penting. "Saya tidak mengatakan semua masalah air di negeri ini telah selesai tetapi yang pasti kita komited untuk terus berusaha membekalkan air yang mencukupi," katanya.

Nik Abdul Aziz berkata demikian ketika merasmikan Hari Terbuka Loji Rawatan Air Merbau Chondong (LRAMC) dan Sambutan Hari Air Sedunia 2009 di sini hari ini. Beliau berkata, sebagai contoh LRAMC yang menelan kos RM66 juta kini mampu membekalkan 45 juta liter padu air setiap hari kepada kira-kira 100,000 penduduk di beberapa kawasan meliputi Machang, Pasir Puteh dan Kota Bharu. Kelantan menggunakan 40 peratus air bawah tanah yang dirawat sebelum dibekalkan kepada pengguna berbanding negeri lain yang menggunakan sumber air lain. Sementara itu, sempena majlis tersebut AKSB turut melancarkan laman web baru iaitu www.airkelantan.com.my sebagai salah satu langkah syarikat itu meningkatkan kualiti perkhidmatan kepada pelanggan.

Pengurus Besarnya, Mohd. Suhaimi Mohd. Jusoh berkata, melalui laman ini pelanggan boleh melangsaikan bil air dengan lebih mudah. "Melalui laman web ini kami telah menjalin kerjasama dengan beberapa bank tempatan untuk memudahkan pembayaran melalui Internet."Pelanggan tidak perlu lagi berpusu-pusu beratur di kaunter bayaran seperti sebelum ini," katanya. Tambahnya, Kelantan masih merupakan negeri yang menawarkan bayaran perkhidmatan paling rendah pada kadar RM0.40 sen seliter padu.

13 April 2009 (Isnin)

RM20 juta naik taraf benteng

SEBUYAU (SAMARAHAN) 13 April – Sebanyak RM20 juta telah diperuntukkan kerajaan bagi kerja-kerja membina dan menaik taraf benteng air di kawasan ini dalam masa terdekat. Timbalan Menteri Pertanian dan Industri dan Asas Tani, Datuk Rohani Abdul Karim berkata, benteng sepanjang 1.5 kilometer itu akan dibina bermula dari Bejong sehingga ke Pekan Sebuyau. Ahli Parlimen Batang Lupar itu berkata, peruntukan tersebut merupakan sebahagian daripada peruntukan berjumlah RM150 juta yang diterima Sarawak bagi membaik pulih serta membina sistem saliran dan perparitan demi merealisasikan hasrat kerajaan negeri untuk menjadi jelapang padi kedua negara.

"Projek ini dijangka dilaksanakan dalam masa terdekat kerana tender bagi pelaksanaannya telah pun dikeluarkan. "Pembinaan benteng itu akan membolehkan kita menyelesaikan masalah asas kepada usaha menjadikan kawasan Parlimen Batang Lupar sebagai kawasan pertanian," katanya selepas melancarkan Pesta Jom Ngail anjuran Persatuan Belia Sebuyau di sini semalam.

Rohani memberitahu, Khazanah Nasional Bhd. (Khazanah) berminat untuk mengkaji serta mengenal pasti jenis tanaman dan kawasan tanah penduduk di negeri ini yang sesuai untuk diusahakan bagi pertanian. Ujar beliau, rancangan berkenaan akan membolehkan petani serta pelabur luar bekerjasama membangunkan tanah penduduk dengan pelbagai jenis tanaman untuk dikomersialkan. "Usaha itu selaras dengan harapan saya setelah dikekalkan dalam kementerian ini untuk meneruskan kesinambungan kepada usaha kementerian sebelum ini iaitu membantu masyarakat luar bandar di negara ini menerusi pertanian," katanya.

14 April 2009 (Selasa)

SPNB ambil alih projek terbengkalai di P. Melaka

MELAKA 14 April - Syarikat Perumahan Negara Berhad (SPNB) akan mengambil alih projek membaik pulih Pangsapuri Seaville Towers di Pulau Melaka yang terbengkalai sejak empat

tahun lalu. Pengarah Urusannya, Datuk Mohd. Amin Mohd. Salleh berkata, pangsapuri itu merupakan salah satu projek perumahan terbengkalai yang dikenal pasti untuk dibaik pulih di bawah Pakej Rangsangan Ekonomi 2009 yang diumumkan kerajaan tahun lalu.

Menurutnya, di bawah pakej itu, Kerajaan Pusat menyediakan kira-kira RM430 juta bagi memulihkan projek-projek terbengkalai di seluruh negara bagi membantu golongan pembeli menduduki segera rumah mereka. "Bagi projek baik pulih pangsapuri di Pulau Melaka ini, kita memperuntukkan sebanyak RM17 juta bagi memperbaiki segala kerja-kerja yang gagal dilaksanakan oleh pemaju terdahulu. "Kita menyasarkan dalam tempoh 12 bulan, projek ini dapat diselesaikan dan semua pembeli boleh mendiami rumah masing-masing sebaik sahaja ia berjaya disiapkan," katanya.

Beliau berkata demikian ketika ditemui pada majlis taklimat dan Menandatangani Surat Akujanji, Pemulihan Projek Perumahan Terbengkalai Pulau Melaka di sini kelmarin. Selain itu, kata Mohd. Amin, pihaknya telah menyiapkan tiga buah projek perumahan pelbagai jenis dan satu projek baik pulih perumahan terbengkalai di Melaka. Pada masa yang sama, kata beliau, SPNB meminta kerjasama daripada pembeli agar memaklumkan kepada pihaknya berhubung maklumat pembelian rumah di Pangsapuri Seaville Towers di Pulau Melaka. Katanya, ia bertujuan untuk memudahkan SPNB mengemas kini maklumat projek dan mendapat keterangan lengkap berkenaan senarai pembeli sebenar projek itu. "Apa yang penting, kita perlu menghubungi pembeli bagi membantu memudahkan urusan baik pulih ini dilaksanakan dengan cepat. "Setakat ini, kita berjaya mengenalpasti 40 peratus pembeli sahaja dan yang selebihnya masih tidak dapat dihubungi," katanya.

Sehubungan itu, beliau meminta pembeli rumah projek berkenaan menghubungi pihaknya di talian 03-20573404 bagi memudahkan urusan itu dilaksanakan segera.

15 April 2009 (Rabu)

Bangunan baru IJN beroperasi Julai depan

KUALA LUMPUR 15 April – Institut Jantung Negara (IJN) dijangka memulakan operasi di kompleks barunya bersebelahan bangunan sekarang di Jalan Tun Razak di sini awal Julai ini. Ketua Pegawai Eksekutif IJN, Datuk Mohd. Radzif Mohd. Yunus berkata, kompleks baru IJN itu akan menempatkan dua bilik pembedahan, 212 wad dan 35 klinik yang dilengkapi peralatan berteknologi tinggi.

Menurutnya, dengan kemudahan lebih banyak dan lengkap itu, pihaknya yakin akan mengatasi masalah menunggu di kalangan pesakit khususnya untuk pembedahan. "Kita harap dengan pembesaran bangunan, tambahan kemudahan dan peralatan ini, IJN akan mampu beri perkhidmatan yang lebih baik dan berkesan kepada rakyat," katanya pada sidang media di IJN hari ini.

15 April 2009 (Rabu)

Sarawak kekal hutan simpan

KUCHING 15 April - Sebanyak enam juta hektar hutan di negeri ini akan dijadikan kawasan hutan simpan kekal dan sejuta hektar lagi sebagai kawasan hutan terlindung sepenuhnya. Menteri Perancangan dan Pengurusan Sumber II Sarawak, Datuk Seri Awang Tengah Ali Hassan berkata, kawasan hutan simpan kekal tersebut adalah Taman Negara, Santuari Hidupan Liar dan Rizab Semulajadi. "Ini menunjukkan bahawa kerajaan negeri sangat komited terhadap pengurusan hutan secara lestari," katanya dalam ucapan perasmian majlis sambutan Hari Perhutanan Sedunia 2009 di sini hari ini.

Awang Tengah turut menyentuh peningkatan kerjasama rentas sempadan melalui penubuhan Kawasan Pemulihan Rentas Sempadan (TBCA). Katanya, TBCA itu membabitkan kerjasama dengan Indonesia dan Brunei Darussalam serta melibatkan Taman Negara Pulong Tau, Taman Negara Kayan Mentarang, Santuari Hidupan Liar Lanjak Entimau dan Taman Negara Betung Kerihun.

Menurutnya, di peringkat antarabangsa, kerajaan telah menandatangani sebanyak 170 Perjanjian Alam Sekitar Berbilang Hala (MEAs) dan 33 daripadanya berkaitan dengan perhutanan. "Ia termasuk konvensyen Kepelbagaian Biologikal, 'Bio-Safety', Tanah Bencah Untuk Spesies Antarabangsa Khususnya Bagi Habitat Unggas Air (RAMSAR), Perdagangan Spesies Terancam Untuk Flora dan Fauna Liar (CITES) dan Perjanjian ASEAN dalam Pemuliharaan Alam dan Sumber Semulajadi," jelas beliau.

Menurutnya, sebanyak 65 unit pengurusan hutan telah dikenal pasti dalam pensijilan unit pengurusan hutan membabitkan keluasan 4,435 juta hektar. Daripada jumlah itu, dua unit pengurusan hutan telah mendapat pensijilan iaitu Suling-Selaan FMU dan Anap-Muput FMU manakala unit pengurusan hutan yang lain adalah dalam pelbagai tahap persediaan bagi mendapat pensijilan. "Walaupun proses pensijilan FMU adalah secara sukarela, kerajaan akan berterusan memberi bantuan dan galakan kepada pemilik konsesi untuk tujuan berkenaan," jelasnya.

16 April 2009 (Khamis)

Pengusaha ladang kontrak

Oleh Hussaini Amran utusanjohor@utusan.com.my



ISMAIL Yahya (dua dari kanan) memberi penerangan tentang tanaman kacang yang diusahakannya kepada Mohamed Shariff Abdul Aziz (dua dari kiri), Mohd. Yusof Yunus (kiri) dan Shahid Abu Bakar (kanan) di TKPM Kuala Gemas, Tampin, baru-baru ini

TAMPIN 16 April - Taman Kekal Pengeluaran Makanan (TKPM) Kuala Gemas di sini merupakan salah satu projek pertanian yang menyertai skim ladang kontrak di bawah kendalian Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) negeri. Dengan keluasan tanah 10 hektar yang disewa dari kerajaan negeri, pengusaha TKPM Kuala Gemas, Ismail Yahya, 50, giat mengusahakan tanaman timun, kacang panjang dan petola. Sejak menyertai skim ladang kontrak pada pertengahan Februari tahun ini, FAMA telah memasarkan sebanyak 7.6 tan atau RM11,765 hasil keluaran TKPM tersebut.

Menurut Ismail, dia menyertai bidang pertanian sejak dua tahun lalu bagi menjayakan hasrat kerajaan untuk melahirkan lebih ramai usahawan tani moden di negara ini. Katanya, sebagai seorang anak petani, minat terhadap bidang pertanian sentiasa subur dalam dirinya. "Saya menceburi bidang pertanian setelah berkecimpung sebagai kontraktor dalam bidang pembinaan selama beberapa tahun," jelasnya.

Ismail berkata demikian ketika ditemui pada program lawatan Ketua Pengarah FAMA, Datuk Mohamed Shariff Abdul Aziz ke TKPM Kuala Gemas di sini baru-baru ini. Hadir sama Pengarah FAMA negeri, Shahid Abu Bakar dan Pegawai Daerah Tampin, Datuk Mohd. Yusof Yunus.

Beliau berkata, penyertaannya dalam skim ladang kontrak FAMA banyak membantu dari segi pemasaran hasil sayur-sayuran yang dikeluarkan. "Lazimnya, FAMA akan datang ke ladang saya setiap dua hari sekali untuk mengambil sayur-sayuran sebelum dipasarkan ke pasar tani atau pasar raya." Secara purata, ladang saya mengeluarkan sekitar 500 hingga 700 kilogram hasil sayur-sayuran setiap hari," jelas Ismail.

Kata Ismail, sebelum menyertai skim ladang kontrak FAMA, dia mengusahakan tanaman labu dan tebu namun kedua-duanya menghadapi kegagalan. Menurutnya, kurang pengalaman serta pengetahuan terutama tentang perubahan cuaca merupakan antara faktor yang menyumbang kepada kegagalan itu. "Saya pernah mengalami kerugian besar apabila labu dan tebu yang baru ditanam musnah akibat banjir yang melanda kawasan ini. "Lama-kelamaan, saya mulai arif dan mahir tentang perubahan cuaca serta suasana pasaran seterusnya membolehkan saya mengatur jadual tanaman dan tuaian hasil secara lebih sistematik," ujarnya.

Jelas Ismail, anak lelakinya, Mohd. Syuwairi, 22, kini memikul tanggungjawab menguruskan TKPM Kuala Gemas secara sepenuh masa. Sementara itu, kata Mohd. Yusof, TKPM Kuala Gemas

diusahakan di atas tanah milik kerajaan negeri dengan kadar RM50 setiap 0.4 hektar setahun dan syarat perjanjian adalah secara guna pakai sepanjang tempoh 20 tahun. Di samping itu, menurut beliau, Pejabat Daerah Tampin memberi bantuan dari segi membina infrastruktur seperti jalan masuk ke ladang serta membenarkan pembinaan premis pusat pengumpulan hasil tanaman.

16 April 2009 (Khamis)

1,744 hektar ladang kontrak menjelang 2010

TAMPIN 16 April - Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) menyasarkan jumlah keluasan ladang kontrak sebanyak 1,744 hektar di negeri ini dengan melibatkan 1,105 pengusaha menjelang tahun 2010. Ketua Pengarah FAMA, Datuk Mohamed Shariff Abdul Aziz berkata, pecahan sasaran keluasan mengikut komoditi adalah buah-buahan sebanyak 704 hektar diikuti sayur-sayuran (540 hektar) dan nenas (500 hektar). Katanya, sebanyak 596 pengusaha disasarkan terlibat dalam tanaman buah-buahan, 374 pengusaha untuk sayur-sayuran dan 135 pengusaha bagi nenas. "Sepanjang 2006 hingga 2008, keluasan ladang kontrak di sekitar negeri ini adalah sebanyak 416.52 hektar membabitkan 267 pengusaha," ujarnya ketika ditemui selepas program lawatan kerja ke Taman Kekal Pengeluaran Makanan (TKPM) Kuala Gemas di sini baru-baru ini.

Mohamed Shariff berkata, sebahagian besar ladang kontrak mengusahakan tanaman nenas dengan keluasan 246.37 hektar (127 pengusaha) diikuti sayur-sayuran (120.75 hektar/87 pengusaha) dan buah-buahan (49.4 hektar/ 53 pengusaha). Beliau berkata, jenis sayur-sayuran keluaran ladang kontrak yang dipasarkan oleh FAMA termasuk cili, bendi, halia tua, jagung manis, kobis, keledak, kacang buncis, kacang panjang, timun, tomato, ubi kayu, ubi kentang, roselle, terung serta labu manis. Selain nenas, buah-buahan yang menjadi pilihan FAMA adalah belimbing, buah mata naga, durian, betik, jambu batu, mangga, manggis, limau, rambutan, tembikai, nangka dan pisang. "Kesemua sayur-sayuran dan buah-buahan yang disenaraikan mendapat permintaan yang tinggi serta mampu bersaing di pasaran dalam dan luar negara.

"Pengusaha ladang kontrak perlu bersetuju untuk mengeluarkan sayur-sayuran atau buah-buahan mengikut kualiti, kuantiti, jenis, pembungkusan, gred dan tempoh masa yang ditetapkan FAMA," jelas Mohamed Shariff. Menurut beliau, FAMA sentiasa bersedia untuk membeli hasil tanaman keluaran ladang kontrak yang mematuhi kriteria-kriteria yang ditetapkan. Ujarnya, secara purata, pengusaha ladang kontrak dianggarkan menerima pendapatan bersih sekurang-kurangnya sebanyak RM2,000 sebulan. Mohamed Shariff berkata, usahawan-usahawan tani di negeri ini yang berminat menyertai skim ladang kontrak boleh menghubungi pejabat FAMA berhampiran untuk mendapatkan maklumat lanjut.